

MAHATHIR - IKAN

KUALA KEDAH, 1 OGOS (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MENGENAL SEMULA AKTA PERIKANAN BERTUJUAN MEMASTIKAN TIADA SESIAPA TERTINDAS DENGAN PERATURAN-PERATURANNYA, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KAJIAN SEMULA ITU WAJAR MEMANDANGKAN BEBERAPA BANGKANGAN YANG TELAH DITERIMA DAN DAKWAAN-DAKWAAN KONONNYA IA MENINDAS NELAYAN-NELAYAN.

KETIKA BERUCAP KEPADA PENDUDUK DI SINI, BELIAU MENEGASKAN BUKAN NIAT KERAJAAN HENDAK MENEKAN SESIAPA CUMA KADANG KALA UNDANG-UNDANG YANG DIWUJUDKAN MELIBATKAN GOLONGAN TERTENTU SECARA TIDAK LANGSUNG.

+KITA Mencari JALAN PENYELESAIAN DAN SECARA YANG BAIK IALAH MELALUI PENGKAJIAN SEMULA AKTA ITU,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MASALAH RAKYAT SENTIASA DIDENGARI OLEH KERAJAAN DAN KERANA ITU RAKYAT HENDAKLAH TERUS MEMILIH BARISAN NASIONAL BAGI MEWAKILI MEREKA PADA PERINGKAT NEGERI DAN PERSEKUTUAN.

KATANYA BN HANYA BERJANJI SETELAH BERFIKIR SECARA MENDALAM DAN +KITA BERJANJI APA YANG KITA BOLEH BUAT.+

SEMPENA LAWATAN SINGKAT KE SINI, PERDANA MENTERI TELAH MENYAMPAIKAN DERMA KEPADA 30 ORANG MANGSA KEBAKARAN MASING-MASING MENERIMA ANTARA \$235 HINGGA \$940.

GERAI PERNIAGAAN MEREKA MUSNAH DALAM KEBAKARAN PADA 27 JUN. -- BERNAMA.

1318MST 01 08 86